

SYARAT-SYARAT KHUSUS PROSENIUM INTEGRITI

Syarat-syarat dan peraturan khusus adalah seperti berikut:

1. Setiap kumpulan yang menyertai pertandingan ini mestilah terdiri daripada **20 orang tenaga produksi sahaja**.
2. Masa persembahan adalah 45 hingga 90 minit. Persembahan yang melebihi masa yang ditetapkan akan dipotong markah daripada markah keseluruhan.
3. Setiap persembahan hendaklah menggunakan skrip atau naskhah Bahasa Melayu dan menepati tema **INTEGRITI**
4. Peserta adalah **WAJIB** menghasilkan skrip baharu
5. Setiap kumpulan dilarang melakukan unsur-unsur yang merbahaya, termasuk senjata atau alat tajam, senjata api, bahan letupan, api yang menyala, cecair mudah terbakar atau asid, haiwan liar dan berbisa dan sebagainya.
6. Peserta tidak dibenarkan mempamerkan aksi-aksi kekejaman terhadap manusia/haiwan serta perkara-perkara yang bertentangan dengan undang-undang dan dasar kerajaan.
7. Skrip perlu dihantar kepada urus setia semasa pendaftaran.
8. Prop yang perlu dan bersesuaian dengan skrip sahaja dibenarkan.
9. Semua pementasan haruslah bebas dari unsur-unsur negatif, provokasi, unsur seksual yang mengghairahkan, unsur keganasan yang berlebihan, cacian dan maki hamun atau penggunaan bahasa kasar dan carut yang boleh menjejaskan imej mahasiswa, menggugat ketenteraman awam, keselamatan negara, nilai keagamaan, moral, etika dan budaya bangsa.

PENGHAKIMAN

Penghakiman akan diadili oleh Sebuah Panel Hakim yang akan dilantik oleh Penganjur dan **KEPUTUSAN ADALAH MUKTAMAD**.

ASPEK PEMARKAHAN

A. Lakonan	30 Markah
B. Pengarahan	40 Markah
C. Artistik/Sinografi	20 Markah
D. Naskhah	10 Markah